



# Generasi Berwawasan

penting bagi mereka itu, untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap.

Kerana tanpa jati diri dan sikap, seorang belia itu tidak akan dipandang hebat.

Maksud beta dengan jati diri di sini, ialah yang original, yang asli, yang bukan disalin atau ditiru daripada orang lain, lebih-lebih lagi kalau yang ditiru itu bertentangan dengan budaya dan adab sopan kita yang baik," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10, 2015.

Generasi sekarang sudah perlu mengubah minda dan tanam sifat mandiri agar sama-sama dapat membantu negara untuk menangani cabaran yang ada dengan ideologi-ideologi yang positif ke arah pembangunan negara dengan lebih jitu, lebih-lebih dalam keadaan dunia sekarang yang begitu banyak saingan, dugaan serta cabaran.

Sepanjang 32 tahun bukan satu tempoh yang pendek. Pelbagai cabaran dan dugaan dilalui, pelbagai perubahan dihadapi. Namun dalam tempoh ini kita membuktikan kepada mata antarabangsa kita ialah sebuah negara yang mampu berdiri teguh, dan insyaaAllah, akan terus sama-sama memainkan peranannya di semua peringkat.

Sebagai Generasi Berwawasan, mereka perlu menggalas tanggungjawab agar negara sentiasa menikmati keamanan dan keharmonian, keselamatan serta kestabilan politik, satu nikmat yang semua orang hendak kecapai. Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kita menikmati rahmat ini hampir 32 tahun lamanya, dan mudah-mudahan generasi penerus akan berjaya mengekalkan pencapaian ini pada masa akan datang.

Begitu juga dari aspek pengukuhan ekonomi. Dunia pada masa ini mempunyai sifat yang tidak dapat diramal, lebih-lebih lagi dunia ekonomi yang banyak cabarannya. Tidak boleh disangkal, hasil minyak dan gas ialah penyumbang utama kepada pendapatan negara. Namun sudah tiba masanya, terutama golongan belia sebagai Generasi Berwawasan untuk mengubah sikap, kikiskan kebergantungan kepada kerajaan, tanamkan sifat mandiri dan perkukuhkan sifat berdaya saing agar mereka dapat menggembelng negara ke arah yang lebih baik tanpa lupa akan asal usul mereka, iaitu berpegang kepada MIB.

Seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2014, para belia mempunyai peranan yang sangat besar dalam memelihara dan mengangkat martabat negara. Mereka juga adalah golongan paling berpotensi untuk mencorakkan bangsa dengan apa jua corak yang mereka mahu.

Baginda bertitah kaum belia juga adalah agen



کینر اسپی بر و اوسن  
GENERASI BERWAWASAN  
23 FEBRUARI 2016

kepada perubahan. Namun dalam perkara perubahan ini, kaum belia adalah dikehendaki supaya lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan itu. Menurut baginda, bukan semua perubahan itu baik, malah ada yang memerlukan kita supaya mengelaknya, iaitu jika perubahan itu membawa impak tidak baik atau tidak selaras dengan aspirasi bangsa. Sebelum membawa atau melahirkan sebarang perubahan, titah baginda, kaum belia dikehendaki untuk memiliki jati diri yang jelas, kukuh dan mantap. Ia juga mustahak untuk diisi dengan nilai-nilai ugama dan budaya yang luhur, supaya kelak perubahan itu tidak dibayangi oleh elemen-elemen yang tidak diingini.

## MENYAHUT SERUAN

Dewasa ini kita sudah mula melihat generasi belia mula berdiriki. Tumbuhnya perusahaan kecil dan sederhana, peningkatan usahawan, karyawan dan tenaga mahir dalam kalangan para belia mencerminkan adanya perubahan sikap, mungkin perlahan tetapi ia tanda positif ke arah pembaikan.

Penglibatan belia dalam persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan juga amat ketara. Malahan ada yang menyumbang bukan sahaja untuk dalam negara tetapi juga di luar negara.

Generasi yang berwawasan perlu dilengkapi dengan ilmu yang seimbang agar mereka boleh berjaya bukan sahaja untuk memenuhi kehendak duniawi malahan juga di akhirat. Bina jati diri yang mantap, berpegang teguh kepada ajaran Islam agar boleh maju membawa negara ke tahap yang lebih tinggi.

Marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita akan sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya generasi sekarang dan akan datang akan terus hidup dalam keharmonian dan kemakmuran.

Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini

Wahai pemuda juga pemudi  
Anak pertiwi sejati  
Berkorban dan berbakti  
Untuk Raja, Ugama, Brunei ...  
Merdeka Merdeka

**B**EGITULAH satu rangkap daripada Lagu Patriotik 'Brunei Bumi Bertuah' hasil karya Awang Perkasa / Matus dan Firman (lirik) dan Awang Manaf bin Haji Kamis (lagu) yang sering kedengaran dicorong radio. Kita ikut menyanyikannya dengan penuh semangat lagi berkorbar.

Namun ia terselit satu peringatan kepada para pemuda dan pemudi, anak pertiwi sejati untuk berkorban dan berbakti untuk raja, ugama dan negara.

Satu semangat yang boleh dikait dengan tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kita yang Ke-32, iaitu 'Generasi Berwawasan', menyeru kepada generasi khususnya belia untuk bangkit dan berjuang demi kebaikan bangsa, agama dan negara.

## TEMA GENERASI BERWAWASAN

Generasi bermaksud pewaris bangsa selaku peneraju kepada kemajuan negara bagi mencapai Wawasan Negara 2035. Wawasan pula ditakrifkan sebagai suatu matlamat untuk mencapai hasrat negara.

Gabungan Generasi Berwawasan didefinisikan sebagai golongan muda serta belia masa kini yang akan menerajui negara pada masa akan datang, selain melahirkan pemimpin yang berwibawa dan cemerlang. Generasi

Berwawasan merupakan generasi pewaris masa depan Negara Brunei Darussalam.

## DEFINISI BELIA

Belia di Negara Brunei Darussalam, menurut Dasar Belia Negara, merupakan kelompok rakyat dan penduduk yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Jika dibandingkan dengan nisbah penduduk, golongan ini mewakili jumlah yang paling ramai atau majoriti bagi jumlah keseluruhan penduduk di negara kita. Ini secara tidak langsung menandakan majoriti penduduk adalah golongan muda, dan lebih penting akan mengemudi negara pada masa akan datang.

## BELIA PEWARIS BANGSA

Tema untuk sambutan pada tahun ini ialah 'Generasi Berwawasan', satu tema yang cukup selari dengan arah tujuan negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, iaitu negara dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan.

Apa yang penting pada masa ini ialah menggilap dan memperkukuhkan kemahiran dan jati diri generasi yang ada terutamanya belia memandangkan mereka inilah penerus hasrat negara demi mencapai wawasan kita. Mereka ini yang akan mewarisi masa depan negara, mereka yang bertanggungjawab agar negara akan terus maju dalam semua aspek.

"Menyebut belia ejen masyarakat, adalah



# Berjaya kukuhkan hubungan a'bangsa

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat



**S**EJAK merdeka pada tahun 1984, dan kini menyambut Hari Kebangsaan Yang Ke-32, Negara Brunei Darussalam sentiasa menjaga dan memelihara hubungannya dengan negara-negara sahabat, terutamanya dengan negara-negara jiran dan antarabangsa. Malahan hubungan dua hala tersebut semakin erat dan meningkat dari setahun ke setahun. Semua ini, adalah kerana dasar luar negara yang berprinsip lagi pragmatik.

Sepanjang usia tersebut, negara telah berjaya meletakkan negara ini berdiri sama tinggi seiring dengan negara-negara maju di dunia. Semua ini adalah berkat kepimpinan dari raja yang disayangi rakyat, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan keazaman yang tinggi dan kuat dari baginda, di samping sokongan dan dukungan dari semua peringkat rakyat dan penduduk, negara telah mampu mengharungi pelbagai cabaran globalisasi di mana tanpa adanya kekuatan segala cabaran pastinya tidak akan dapat diatasi.

Di arena antarabangsa misalnya, negara akan terus mengamalkan dasar saling hormat-menghormati tidak campur tangan dan penyelesaian konflik secara aman, serta bekerjasama bagi kebaikan semua pihak, di samping terus meneruskan mengeratkan hubungan dua hala. Sementara, keahlian negara dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, merupakan usaha sama dalam mendukung komitmen-komitmen antarabangsa.

Sejak merdeka, negara telah menjadi ahli kepada pelbagai pertubuhan serantau dan antarabangsa antaranya pada 1 Januari 1984, negara secara automatik menjadi ahli Pertubuhan Komanwel; 7 Januari 1984 menjadi ahli Ke-6 Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN); pada 15 Januari 1984 menjadi ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC); 21 Januari 1984 negara diterima menjadi ahli Ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB); pada tahun 1989 menjadi ahli kepada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC); menyertai Negara-Negara Berkecuali (NAM) tahun 1992; Pertubuhan Negara-Negara Asia Eropah (ASEM); Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) serta lain-lain pertubuhan.

Melalui pelbagai perjanjian perdagangan dua hala mahu pun keahlian serta kerjasama-kerjasama serantau di dalam ASEAN dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, termasuk APEC, OIC, Komenwel (CHOGM), WTO dan seumpamanya, negara telah terus mempertingkatkan dan membuka peluang-peluang pasaran baru di arena global.

Bagi memperkenalkan negara di peringkat antarabangsa, negara telah mengukuhkan dan menjalin hubungan diplomatik dengan lebih 164 buah negara di seluruh dunia. Di mana setakat ini, negara mempunyai 42 buah pejabat perwakilan di luar negara termasuk 26 Kedutaan Besar, lapan Suruhanjaya Tinggi, tiga Perwakilan Tetap dan empat Kaunselor Agung dan satu Pejabat Perdagangan. Yang terbaru, negara telah menjalin hubungan diplomatik dengan dua negara sahabat, iaitu bersama Republik Gambia pada 21 Januari 2016. Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama penjalinan hubungan diplomatik tersebut telah diadakan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur, Malaysia. Sementara pada 26 Januari 2016, negara telah menjalin hubungan diplomatik bersama Republik Kiribati, di mana Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama penjalinan hubungan diplomatik tersebut telah diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York.

Dengan terjalinnya hubungan tersebut, Negara Brunei Darussalam terus berupaya membina berbagai kerjasama baik secara dua hala mahupun berbagai hala, jalinan kerjasama itu seterusnya meningkatkan imej negara di mata dunia antarabangsa dan dalam masa yang sama negara berupaya meningkatkan dan memperluaskan pertumbuhan ekonomi dengan lebih stabil dan mapan.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam pertubuhan-pertubuhan berkenaan bukan saja cara untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, tetapi juga menunjukkan kita sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dan berkebolehan untuk menyumbang kepada keamanan sejagat.

Selain itu, negara juga sentiasa peka dengan apa yang terjadi di negara-negara luar yang menghadapi bencana alam dengan memberi sumbangan dan bantuan kemanusiaan.

## PERINGKAT ASEAN

Penyertaan negara dalam pertubuhan-pertubuhan serantau seperti ASEAN merupakan satu strategi bagi negara mengukuhkan hubungan dengan dunia antarabangsa. Dalam hal ini, Brunei Darussalam berjaya memperlihatkan keupayaan dalam mengadakan mesyuarat bertaraf antarabangsa dengan berkesan setelah menjadi pengerusi ASEAN pada tahun 2013.

Di peringkat ASEAN, komitmen negara adalah dipandu oleh hala tuju Piagam ASEAN sendiri yang diterajui dan didukung oleh 10 pemimpin ASEAN dengan mengekalkan kemajuan tiga tunggak utama, iaitu Komuniti Politik-Sekuriti, Komuniti Ekonomi dan Komuniti Sosio-Budaya.

ASEAN dalam integrasi ekonominya telah berjaya mewujudkan satu asas yang kukuh dalam ekonomi global dan meningkatkan daya saing sebagai sebuah rantau dan telah menjadi jentera yang lebih kuat untuk merealisasikan aspirasi rakyat, tadbir urus yang baik, telus, taraf hidup yang lebih tinggi, pembangunan mampan dan peluang yang lebih besar untuk semua, khususnya dengan pengisytiharan penubuhan rasmi Komuniti ASEAN pada 31 Disember 2015, yang benar-benar berdasarkan peraturan, berorientasikan rakyat, berpaksaan rakyat.

Komuniti ASEAN telah mencatat pencapaian penting dalam proses integrasi dan akan terus memastikan keamanan, keselamatan dan daya tahan di rantau yang berpandangan jauh ini akan terus berdaya maju, berdaya saing dan komuniti sangat bersepadu dan inklusif yang mengandungi semangat kebersamaan dan identiti bersama.

Khusus di dalam pakatan ASEAN, kerjasama untuk mewujudkan dan menjaga kestabilan serantau juga adalah salah satu keutamaan. Kestabilan ini penting, bagi meningkatkan pertumbuhan sosio ekonomi di antara negara-negara ahli, dan seterusnya menjadikan ASEAN sebuah pakatan serantau yang disegani dunia, lebih-lebih lagi rakan dialog.

## MISI BANTUAN

Mengimbas beberapa tahun kebelakangan, kita telah menyaksikan pelbagai kejadian berupa kemelut-kemelut dan malapetaka yang melanda di beberapa negara, khususnya di rantau ini. Dalam hal ini negara sentiasa peka dengan apa yang terjadi di negara-negara luar yang menghadapi bencana alam dengan memberi sumbangan dan bantuan kemanusiaan. Sebagai contoh pada bulan April tahun lepas Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menghantar satu pasukan misi bantuan kemanusiaan ke Nepal yang diberi nama 'OPERASI KUKRI' selepas gempa bumi melanda negara itu. Antara bantuan yang diberikan termasuklah rawatan dan perubatan serta lain-lain usaha dalam bantuan bencana.

Salah satu usaha yang diambil oleh negara melalui pasukan ABDB ialah meningkatkan keupayaannya adalah sumbangan yang berkesan kepada misi keamanan dan usaha-usaha bantuan manusia baik di peringkat domestik dan antarabangsa. Dan usaha bantuan kemanusiaan di Nepal merupakan sebahagian daripada sumbangan negara kepada masyarakat global selaras dengan penekanan yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan dan inisiatif untuk menjaga hubungan diplomasi pertahanan dalam kalangan negara-negara sahabat.

Dalam misi yang sama, negara juga memainkan peranan penting membina hal ehwal keselamatan serantau mahupun antarabangsa, seperti penyertaan negara dalam



misi-misi pengaman di Selatan Filipina, Lubnan dan Aceh, dan juga menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada pihak-pihak yang dilanda malapetaka bencana-bencana alam.

Dalam hal ini, negara tidak sekali-kali mengabaikan hal-ehwal keselamatan. Negara Brunei Darussalam bersama dengan negara-negara antarabangsa sentiasa peka dengan cabaran-cabaran keselamatan, tradisional dan bukan tradisional, iaitu dengan terus mengukuhkan kemajuan institusi keselamatan di dalam negara dan mengukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa untuk memelihara keamanan dan kesejahteraan sejagat.

## CEGAH KEGANASAN

Sejak kemasukan Negara Brunei Darussalam sebagai negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pada tahun 1984, negara telah menerima banyak manfaat daripada keahlian tersebut. PBB telah memberikan landasan bagi Negara Brunei Darussalam meningkatkan hubungan dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara sahabat dan rakan kongsi.

Melalui PBB, negara telah dapat menunjukkan komitmen yang jitu ke arah keamanan, kestabilan dan kemajuan dan sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan telah menyuarakan sokongan masyarakat antarabangsa mengutuk keganasan serta menolak ekstremisme dan radikalisme. Dan seterusnya menyokong masyarakat antarabangsa ke arah usaha-usaha mencegah dan menghapuskan apa saja bentuk keganasan.

Perkara ini telah pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Sidang Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi Ke-70 yang berlangsung pada 30 September 2015 di New York, Amerika Syarikat.

Dalam hal ini, negara terus menyokong usaha-usaha dan peranan yang dimainkan oleh PBB dalam usaha-usaha meningkatkan tahap dan mutu kehidupan masyarakat di seluruh dunia, iaitu sesuai dengan kedudukan PBB yang menggalakkan kerjasama dan perkongsian berdasarkan sifat saling hormat-menghormati, persefahaman dan toleransi, yang berpotensi menghalang peperangan dan konflik, penindasan agama, konfrontasi ideologi dan keganasan.

Dalam hubungan ini, Brunei Darussalam juga menyokong dialog antara budaya di kalangan rakyat yang mempunyai agama dan budaya yang berbeza; serta inisiatif-inisiatif seperti Alliance of Civilizations; Global Movement of Moderates; King Abdullah Bin Abdulaziz International Centre for Interreligious and Intercultural Dialogue; World Against Violence and Violent Extremism; dan Summit on Countering Violent Extremism.

## KESIMPULANNYA

Sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat, jalinan atau hubungan dua hala yang baik dan kukuh bersama negara-negara antarabangsa adalah penting bagi kemajuan ekonomi, keselamatan dan kestabilan negara. Dengan adanya kerjasama berterusan, persahabatan yang erat, insyaaAllah Negara Brunei Darussalam dan segala isi di dalamnya akan terus dilimpahi dengan keberkatan, kesejahteraan, iaitu sesuai dengan misi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk terus membina asas yang kukuh ke arah mengukuhkan lagi talian dengan dunia antarabangsa.



# Integriti teras Perkhidmatan Awam



Oleh : Noriah binti Haji Abdul Hamid



**PERKHIDMATAN AWAM** negara adalah merupakan nadi utama atau jentera penggerak bukan sahaja kepada program-program pembangunan negara bahkan juga segala dasar dan peraturan kerajaan bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan negara dan seterusnya bagi mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan.

Perkhidmatan Awam memainkan peranan yang penting untuk memacu pembangunan sosioekonomi dan pembangunan negara. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seharian dan menghadapi cabaran di hari-hari mendatang, warga Perkhidmatan Awam perlulah menanamkan sifat-sifat luhur dalam mengamalkan etika kerja yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan. Penjawat Perkhidmatan Awam juga perlu mempunyai semangat disiplin yang kental, berpandangan jauh ke hadapan, mempunyai komitmen yang telus, sedia berkorban masa, tenaga dan sebagainya serta mempunyai sifat amanah di dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai warga Perkhidmatan Awam.

Cuba kita berfikir sejenak antara matlamat yang telah digariskan dalam Wawasan Negara 2035 yang hanya berbaki 19 tahun sahaja lagi, iaitu kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan melahirkan rakyat yang berjaya, berpendidikan dan berkemahiran tinggi dengan menasarkannya peluang pekerjaan yang berkualiti lebih-lebih lagi bidang pekerjaan yang pada masa kini semakin kompetitif. Matlamat tersebut adalah dihasratkan semata-mata untuk meningkatkan kualiti pentadbiran dan kepimpinan (*governance*) di sektor awam dan swasta. Perkhidmatan yang berkualiti tinggi, perundangan yang moden dan pragmatik dan prosedur yang efisien dengan birokrasi yang minimum membolehkan sesebuah institusi membangun dengan jayanya.

## INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Ke arah memastikan kemampuan Perkhidmatan Awam negara ini memberikan

perkhidmatan yang cemerlang dan bermutu tinggi serta memuaskan kepada pelanggan yang terdiri daripada orang ramai, pihak swasta dan agensi-agensi dalam kerajaan sendiri, berdisiplin, bersih, cekap dan amanah, penjawat Perkhidmatan Awam adalah dituntut supaya mempunyai integriti. Integriti yang dimaksudkan ialah sifat jati diri yang merangkumi keikhlasan, amanah, berpegang teguh kepada prinsip, jujur dan bermoral tinggi, bertanggungjawab, saksama, semangat setia kawan, penuh iltizam dan dedikasi dalam melaksanakan tugas dalam kalangan setiap anggota Perkhidmatan Awam.

Integriti dalam Perkhidmatan Awam hendaklah dilaksanakan secara sepadu dan ditandai oleh semua peringkat pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam tanpa mengira pangkat dan jawatan. Setiap individu dalam Perkhidmatan Awam perlu memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan bidang tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan terbaik.

## PENGUKUHAN INTEGRITI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM MELALUI RUKUN AKHLAK DAN ETIKA KERJA PERKHIDMATAN AWAM

Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam adalah sebagai juru pandu kepada pembentukan perwatakan atau sikap bekerja yang patut diamalkan oleh setiap pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam ke arah pencapaian hasrat murni Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan sebuah Perkhidmatan Awam yang benar-benar Cekap, Berkesan, Bersih lagi Amanah.

Warga Perkhidmatan Awam memainkan peranan utama dalam merealisasikan aspirasi dan Wawasan Negara 2035. Ke arah tujuan itu, warga Perkhidmatan Awam hendaklah menerapkan nilai-nilai murni dan positif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seharian. Oleh yang demikian, mempunyai akhlak mulia dan etika kerja yang betul akan dapat mendukung ke arah pencapaian sebuah organisasi dan sumber tenaga manusia yang cemerlang dan terbilang.

Ke arah itu, mari kita sama-sama menyingkap 11 Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang diasaskan berlandaskan kepada nilai-nilai agama Islam yang maha suci. Secara tidak langsung mengingatkan warga Perkhidmatan Awam supaya jangan terlalu leka dan selesa, malahan menggesa kita semua supaya bertindak lebih progresif bagi mencapai kemajuan yang berlandaskan kepada ajaran dan akidah Islam yang diredei Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebelas Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam tersebut adalah:

- i) Bersih, Jujur dan Amanah Amalan Mulia
- ii) Cekap, Cepat dan Tepat Tuntutan Kerja
- iii) Titih, Lutanan dan Menghargai Masa Asas Kejayaan
- iv) Berilmu, Kreatif dan Inovatif Asas Kebaktian
- v) Beriltizam, Keterbukaan dan Akauntabiliti Mengukuhkan Keberkesanan
- vi) Sabar, Tabah dan Bersopan Santun Amalan Terpuji
- vii) Meningkatkan Produktiviti dan Daya Saing

Menambah Penghasilan

- viii) Oudwah dan Qiadah Teladan Kepimpinan
- ix) Setia kawan, Syura dan Bermuafakat Membawa Berkat
- x) Berjimat Cermat Asas Kemakmuran
- xi) Pemedulian Asas Perpaduan

Kesebelas Etika Kerja tersebut adalah sebagai tonggak dalam pengukuhan integriti dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam malahan memainkan peranan yang ampuh dalam pembentukan jati diri. Ke arah ini Institut Perkhidmatan Awam telah menyediakan kursus-kursus bagi warga Perkhidmatan Awam yang merangkumi pegawai-pegawai Bahagian II dan III dan kakitangan dalam Bahagian IV dan V untuk memantapkan lagi Penjawat Awam dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sebagai jentera kerajaan. Kursus memuatkan tajuk-tajuk yang merangkumi Ciri-Ciri Rukun Akhlak, dan Etika Kerja, Keberkesanan Perkhidmatan, Membina Pasukan Cemerlang, Prinsip Komunikasi Berkesan, Halangan dan Cabaran Perkhidmatan Awam Cemerlang dan Nila-Nilai Pemimpin Cemerlang di mana kesemuanya menjurus kepada meningkatkan kesedaran dan kepentingan berakhlak mulia dan etika kerja positif dalam melaksanakan tugas seharian dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang di samping menerapkan lagi kepentingan bekerja secara berpasukan dalam meningkatkan produktiviti Perkhidmatan Awam.

Untuk menyahut hasrat murni Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan sebuah Perkhidmatan Awam yang benar-benar Cekap, Berkesan, Bersih lagi Amanah. Setiap warga Perkhidmatan Awam mestilah berusaha dengan lebih gigih, untuk mengubah budaya kerja agar lebih cekap, efisien dan bertindak cepat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik memandangkan kita sering dilanda cabaran kemelut globalisasi yang ketika ini melanda dunia. Ke arah itu adalah wajar untuk semua warga Perkhidmatan Awam mempertingkatkan lagi kualiti kepimpinan dan pengurusan serta kecekapan dalam menangani apa jua situasi di luar dugaan.

## CABARAN PENJAWAT AWAM

Sepertimana yang kita maklum, permintaan perkhidmatan dari pelanggan-pelanggan yang terdiri daripada orang ramai dan sektor swasta adalah semakin sofistikated, di samping mempunyai ekspektasi yang tinggi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah memandang serius dalam usahanya untuk memastikan kelicinan di dalam jentera pentadbiran yang lebih 'mesra pelanggan'. Oleh yang demikian, peranan Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di dalam memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi ini adalah sangat mencabar.

Perkara ini disentuh dalam petikan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Ke-42 pada 15 Julai 1988:

"Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan pula, beta ingin mengulangi supaya akan sentiasa memberikan pemedulian kepada masalah atau sungutan-sungutan orang ramai dan mengamalkan sikap sopan santun dan memberikan layanan yang baik kepada aduan-aduan atau masalah-masalah itu. Adalah juga mustahak bagi ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan untuk memberikan maklumat yang difikirkan berfaedah untuk diketahui oleh orang ramai mengenai sebarang usaha-usaha kerajaan yang melibatkan kepentingan rakyat dan penduduk negara ini bagi menghindarkan mereka dari terdedah dari diayah-diayah palsu yang datang dari orang-orang yang tidak bertanggungjawab."

Ini bermakna jentera pentadbiran negara

harus melalui perubahan-perubahan bukan sahaja dari segi prosedur dan peraturan tetapi juga dari segi budaya kerja bagi tujuan untuk memenuhi kehendak orang ramai. Perubahan minda atau pemikiran setiap warga Perkhidmatan Awam adalah perlu bukan hanya selesa berada di takuk lama.

Sistem dan prosedur kerja di setiap agensi kerajaan hendaklah dikaji semula dan perlu diadakan post mortem supaya dapat mengetahui sejauh mana kemajuan atau kesan dari rancangan yang telah dilaksanakan sepertimana petikan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan pada 21 Januari 2016:

"Post mortem ini pada hemat beta adalah penting untuk mengetahui sejauh mana kemajuan atau kesan dari rancangan atau kerja yang sudah dilaksanakan. Dihadapan post mortem, kita juga dapat mengetahui kelemahan-kelemahan atau kekurangan-kekurangan kita jika ada. Dengan itu dapatlah kita membaikinya. Inilah namanya kita belajar dari pengalaman."

## CABARAN MASA DEPAN

Cabaran utama masa depan ialah mengekalkan tadbir urus yang baik dalam suasana yang dinamik kerana kehendak orang ramai yang berubah-ubah. Sayugia kita menjunjung tinggi petikan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-22 Tahun 2015:

"Selaku tulang belakang kerajaan, warga Perkhidmatan Awam berperanan besar untuk memperkemas dan memperincikan urus tadbir negara. Salah satu faktor ke arah itu, ialah dengan mengukuhkan kepimpinan. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, kepimpinan adalah sangat penting, di samping kemahiran. Pemimpin yang berkualiti bukan saja mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas, tetapi juga mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk melakukan apa saja perbaikan atau pembaharuan yang perlu. Mereka sanggup turun padang untuk melihat apa-apa yang perlu ditangani dan diperbaiki. Inilah sifat pemimpin atau pegawai yang bagus."

Jelas baginda lagi, "Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka menangani tugas dan membimbing orang di bawah mereka. Ini sangat penting, bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna."

Kita sebagai warga Perkhidmatan Awam perlu menjunjung titah baginda supaya sikap budaya suka berubah perlu ada pada diri kita. Jika ia gagal diterapkan, maka agensi-agensi kerajaan tidak akan dapat memperkemas kerja masing-masing dan dalam masa yang sama berkeupayaan untuk menepis cabaran dan ancaman globalisasi yang kian semakin jelas. Oleh itu usaha berterusan oleh agensi-agensi kerajaan dalam memastikan tahap integriti yang tinggi terus dipertingkatkan dan sentiasa terpelihara dalam oraganisasi masing-masing.

Pembangunan pesat dunia ICT juga turut memberikan hambatan hebat kepada kerajaan. Transaksi dan pergerakan informasi berlaku dengan begitu pantas dan cepat terutama sekali melalui media sosial seperti penyebaran informasi yang tidak sah mengenai kerajaan dan sebagainya.

Oleh itu, kapasiti keupayaan pegawai awam hendaklah selari dengan perkembangan semasa dan perubahan yang datang secara tidak menentu. Warga Perkhidmatan Awam perlu berpandangan lebih global dan holistik terhadap sesuatu isu agar dapat menanganinya dengan berkesan dan menyeluruh. Walau apa pun cabaran, desakan, serangan dan tekanan ekonomi, sosial atau politik yang perlu kita tentang dan tepis selagi kita mengamalkan budaya atau amalan berintegriti dalam mendokong usaha kerajaan menjadikan Negara Brunei Darussalam 'Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur'.



# Pembangunan negara realisasikan Wawasan 2035

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor



**S**EJAK lebih tiga dekad, Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat, banyak kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai dan dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini. Di sebalik itu kita perlu peka dengan situasi yang ada pada hari ini khususnya dalam perkara ekonomi global yang sedang menunjukkan penurunan ketara seperti harga minyak yang jauh merudum. Sehubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah perlunya penghijrahan positif *mindset* bagi negara mengekalkan dasar kestabilan fiskal dan mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara yang menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan *value for money*.

Dalam usaha kerajaan menyeru kita berbelanja secara berhemah, kesejahteraan awam dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini masih diberi perhatian berat. Negara Brunei Darussalam terus berkembang dan membangun serta mencapai sasaran Wawasan 2035, sebagai sebuah negara yang maju dan dikenali di seluruh dunia di mana rakyatnya hidup aman dan sejahtera. Ke arah ini, beberapa program dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) sedang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. Tahun 2016 ini adalah tahun terakhir bagi tempoh RKN10 yang mana bermula 1 April 2012 dan akan berakhir pada 31 Mac 2017.

Dengan peruntukan keseluruhan berjumlah BND8.2 bilion dalam RKN10 adalah bagi membiayai lebih 500 projek. Sehingga RKN10, sebanyak lebih 400 projek telah pun dilaksanakan di mana lebih daripada 300 projek siap dilaksanakan.

## KUALITI HIDUP

Dalam mendukung matlamat Wawasan 2035 iaitu bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan 'Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya', kerajaan telah melaksanakan beberapa projek termasuklah pemberian biasiswa dalam dan luar negeri melalui Dana Sumber Manusia dan pembinaan beberapa institusi teritinggi dan sekolah antaranya Sekolah Persediaan Arab Ugama Daerah Belait, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong dan Bangunan Politeknik Lumut.

Dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan memastikan kehidupan berkualiti tinggi, beberapa projek juga dilaksanakan selaras dengan nilai-nilai murni ke arah mencapai wawasan tersebut iaitu kesetiaan kepada

raja dan negara; keyakinan terhadap nilai-nilai Islam dan Keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik, beberapa projek telah dibina seperti masjid, perumahan, klinik-klinik kesihatan dan pengubahsuaian hospital, penyediaan bekalan elektrik dan air.

Dalam mendukung hasrat negara dikenali sebagai sebuah Negara Zikir dan Baladun Thayyibatun Warabbun Ghafur, negara yang aman makmur dan Tuhan yang Maha Pengampun), pembinaan masjid-masjid direka bentuk berunsurkan keislaman dan keBruneian. Nama-nama masjid yang telah siap dibina ialah Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang; Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas; Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok dan Masjid Jefri Bolkiah Kampung Batong.

Dengan adanya prasarana yang mencukupi, untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, ia adalah juga diharapkan akan dapat menarik pelaburan asing ke negara ini, bagi menjana pertumbuhan ekonomi agar negara kita akan terus makmur dan maju.

Untuk itu, beberapa jambat dan jalan raya baharu, di samping kerja-kerja menaik taraf jalan raya serta memulihara jalan-jalan raya yang sudah ada adalah antara rancangan yang giat diungkapkan pada masa ini. Ini termasuklah bagi pemeliharaan aset-aset kerajaan dan perkembangan infrastruktur di negara ini, taraf kemudahan awam seperti jalan raya, pemeliharaan sistem bekalan air dan sebagainya dan bagi projek menaik taraf di kawasan pendalaman seperti Jalan Buau, Biadong, Sukang dan Melilas. Kerja-kerja peningkatan pengurusan kesesakan dan keselamatan jalan raya di beberapa kawasan seperti Muara-Tutong dan pusing keliling lebuhraya ke Pekan Muara.

Selain daripada rangkaian jalan raya yang kini bertambah dengan adanya pembinaan jalan-jalan baharu, pelebaran jalan-jalan dua hala kepada empat hala, menaik taraf jalan raya kepada yang lebih baik dan mudah dilalui, termasuk kerja-kerja menurap semula jalan-jalan raya yang ada, kementerannya juga membina beberapa buah *interchange* di beberapa *persimpangan yang sesak dan pada masa ini telah dan sedang dalam pelaksanaan seperti di simpang Berakas; pembinaan jambat di persimpangan-persimpangan Jalan Telanai, Jalan Gadong Jalan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, Jalan Utama Mentiri dan Jalan Penghubung Tanah Jambu.*

Di samping itu, pembinaan jambatan yang menghubungkan Jalan Residency ke Kampung Tarap Bau, menyeberangi Kampong Ayer akan dapat mengurangkan kesesakan di Jalan Tutong bagi mereka yang menuju ke Bandar Seri Begawan dan dijangka siap sepenuhnya dan jambatan tersebut kini 60 peratus siap dan dijangka siap keseluruhannya pada pertengahan tahun 2016.

Satu lagi kemajuan dalam infrastruktur jalan raya di Negara Brunei Darussalam akan dapat disaksikan dengan terbinanya jambatan penghubung di antara Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong. Pelaksanaan projek ini telah mendapat kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2012. Dengan siapnya jambatan ini nanti ia bukan bermakna perjalanan ke Temburong tidak lagi perlu menggunakan bot atau melalui Limbang, akan tetapi juga membawa potensi kemajuan yang besar kepada Daerah Temburong, seperti dengan penempatan institusi pendidikan tinggi, beberapa pejabat kerajaan, *ecotourism*, perusahaan-perusahaan yang sesuai,

pertanian dan sebagainya. Projek mega negara itu akan merentasi perairan Brunei melalui jambatan sepanjang kira-kira 14 kilometer dengan panjang keseluruhan jalan dan jejambat sejauh 30km serta mempunyai reka bentuk keBruneian dengan menerapkan ciri-ciri keislaman. Jambatan yang bermula dari Jalan Utama Mentiri di Daerah Brunei dan Muara hingga ke Labu Estate di Daerah Temburong itu dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019.

## KEPERLUAN RAKYAT

Usaha ke arah menyediakan perumahan negara terus diberi keutamaan oleh pihak kerajaan. Beberapa ribu unit rumah pelbagai jenis yang dibina di bawah pengurusan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan juga Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan telah pun siap dan diserahkan baru-baru ini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 di bawah pimpinan Kebawah DYMM, rakyat dan penduduk di negara ini telah dan terus menikmati berbagai-bagai kemudahan antaranya penyediaan perumahan. Ini jelas mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk di negara ini dan secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsep berdaya tahan dan mapan dimiliki, selaras dengan salah satu objektif RKN untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat. Bermula dari tahun 1996 hingga sekarang, melalui Skim RPN dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) telah menyediakan lebih 27 ribu unit rumah dengan sejumlah besar di Daerah Brunei Muara iaitu sebanyak 18,480 buah rumah; 6,585 buah di Daerah Belait; 2,223 buah rumah di Daerah Tutong; dan sebanyak 403 buah rumah di Daerah Temburong.

Dalam usaha memastikan penyediaan perumahan di bawah RPN ini mampu memenuhi permintaan yang sedia ada, Kementerian Pembangunan melalui

Jabatan Kemajuan Perumahan telah merangka beberapa strategi dalam penggunaan tanah secara optima bagi meningkatkan bilangan hasil pengeluaran rumah seperti pembinaan rumah kluster dan rumah jenis bertingkat tinggi vertical housing yang mana ia juga boleh mengurangkan kos pembinaan infrastruktur dan seterusnya mengurangkan subsidi kerajaan. Dalam pada itu, menurut perancangan Jabatan Kemajuan Perumahan sejumlah lebih 2,000 unit rumah dijangka siap dalam tempoh dua tahun ini termasuk 300 unit rumah pangsa yang dibina di kawasan RPN Lambak Kanan.

Selain itu, penambahan kapasiti penjanaaan elektrik juga telah dilaksanakan dalam memastikan bekalan elektrik mencukupi, berkualiti dan terjamin melalui projek-projek yang siap antaranya di kawasan Sungai Teraban dan Sungai Tujuh, Kampung Kapok, Kampung Lambak Berakas, Kampung Terunjing, STKRJ Kampung Tanah Jambu, STKRJ Kampung Katok, STKRJ Sungai Liang / Lumut dan STKRJ Lugu. Di samping itu, kerajaan telah membekalkan bekalan air yang bersih dan mencukupi bagi permintaan pembangunan khususnya dengan jumlah penduduk dan pembangunan perindustrian yang telah siap dilaksanakan di kesemua daerah adalah dengan membekal dan mengganti paip-paip air dan rangkaian paip.

## PEMANGKIN

Penyediaan pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang berdaya tahan adalah sebagai bukti bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan rakyat di negara ini dan setentunya akan memberi impak positif terhadap kesejahteraan awam dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara yang lebih mapan dan dinamik dan menyumbang kepada pembangunan sosial, mewujudkan peluang pekerjaan kebajikan masyarakat dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk. Kesemua usaha-usaha kerajaan ini adalah bagi memastikan matlamat Wawasan Brunei 2035 akan tercapai. InsyaaAllah.



# ICT memacu pembangunan negara

Oleh : Siti Muslihat Haji Salleh



**T**EKNOLOGI Info-Komunikasi (ICT) merupakan suatu bidang industri yang paling signifikan dalam era ledakan maklumat dan ia memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian di pelbagai bidang termasuk perniagaan, politik, perubatan, pendidikan dan sebagainya di mana penggunaannya kini semakin pesat berkembang di dunia global.

Negara Brunei Darussalam seperti negara-negara maju yang lain juga tidak ketinggalan untuk sama-sama berjalan seiring dengan kemajuan ICT yang semakin pantas.

Kewujudan teknologi tersebut juga tidak dinafikan memberikan impak besar kepada pembangunan negara sesuai dengan peranannya dalam kehidupan manusia yang semakin diperlukan bagi memudahkan bidang tugas dan kerjaya yang membolehkan manusia selaku pengguna boleh melakukan pekerjaan masing-masing dengan menggunakan kemudahan-kemudahan teknologi komunikasi terkini.

Revolusi ICT menggabungkan antara ilmu pengetahuan dan teknologi dan telah merubah kemajuan yang diterapkan kepada pekerjaan untuk menciptakan sesuatu penghasilan yang boleh digerakkan melalui pengetahuan teknologi tersebut yang lebih sinonim dengan maklumat di hujung jari.

## URUSAN PENTADBIRAN

Di negara-negara yang pesat membangun, penggunaan ICT merupakan satu keutamaan dalam menjalankan tugas seharian yang terbukti telah banyak mendatangkan manfaat dalam kehidupan seharian setiap individu dan masyarakat.

Kemajuan ICT mampu menyumbang kepada peningkatan pengurusan dan pentadbiran negara ke arah lebih sistematik dan teratur. Segala urusan, baik kerajaan mahupun swasta dapat dipercepat melalui kemajuan ICT yang sekali gus dapat menjimatkan masa, bahkan tenaga, dan wang kerajaan serta rakyat sendiri.

Kemahiran menggunakan teknologi tersebut mampu mempercepatkan segala urusan pentadbiran negara, swasta dan juga individu di mana sebagai analoginya, kerja pengurusan dokumen, permohonan dan sebagainya menjadi tepat dan cekap. Segala data dapat diproses dan disimpan dengan segera tanpa membuang masa termasuklah segala urusan kewangan melalui Mesin Teler Automatik (ATM) dan internet bagi memudahkan urusan kewangan di seluruh dunia dengan lebih cepat

dan berkesan.

Dengan perkembangan teknologi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) juga telah memperkenalkan kaedah dan prosedur baharu bagi orang ramai membuat permohonan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong di bawah pengendalian SPA dan seterusnya bagi SPA membuat proses permohonan berkenaan iaitu melalui penggunaan kaedah permohonan jawatan dan pemrosesan secara *online* menggunakan sistem yang dikenali dengan Sistem SPA Recruitment.

Manakala Projek Pengesahan Data dalam pangkalan data Sistem Pengurusan Pekerja Kerajaan (Government Employee Management System - GEMS) juga telah giat dilaksanakan di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dan telah mula diimplementasikan yang antaranya termasuk merekodkan kedatangan waktu bekerja.

Melalui GEMS, setiap pegawai dan kakitangan akan mempunyai data-data yang kemas kini dan secara langsung akan memberikan kemudahan kepada penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh GEMS.

## CUACA

Jika ditinjau secara lebih mendalam lagi, ICT bukan sahaja membantu dalam pentadbiran dan pengurusan negara, malah ICT penting dalam ramalan cuaca dan panduan pelayaran. Jika dahulu, pelayar merujuk kepada kedudukan bintang di langit untuk dijadikan sebagai kompas semasa berlayar dan juga merujuk keadaan langit dan awan untuk meramal cuaca.

Namun sekarang semua ramalan boleh dilihat dengan adanya kemudahan satelit cuaca, di mana fenomena alam dapat diramal dengan lebih tepat serta terperinci. Melalui satelit cuaca ini juga, siri gambar awan dapat diambil dan seterusnya dapat meramalkan keadaan cuaca dunia.

Persediaan awal dapat dibuat untuk mengelakkan berlakunya kerugian harta benda dan pengorbanan nyawa. Banjir, ribut taufan, tsunami, dan gempa bumi adalah antara contoh fenomena alam yang tidak dapat tidak kita sebagai manusia perlu untuk mengawalinya dengan membuat persediaan rapi menghadapi bencana yang diramalkan. Sebagai contoh, sistem satelit aeronautik (USA) dapat menghubungi kapal terbang yang melintasi Lautan Atlantik dan Pasifik. Teknologi komunikasi pelayaran juga penting dalam sistem pengangkutan udara dan laut yang berfungsi sebagai panduan pelayaran, di samping kepentingan Sistem Satelit Laut (IMMARISAT) dapat mengesan kapal-kapal yang menghadapi masalah yang antaranya berfungsi sebagai panduan.

## HUBUNGAN ANTARABANGSA

Kepentingan ICT juga tidak dinafikan mempercepatkan dan mengukuhkan hubungan antarabangsa di mana dunia seakan-akan menjadi semakin kecil dengan kewujudannya yang membolehkan manusia dapat berkomunikasi di seluruh dunia. Perkara ini ternyata sekali mengukuhkan ungkapan Dunia Tanpa Sempadan. Kita dapat berhubung dengan sesiapa sahaja sama ada di laman sembang, e-mel, Sistem Pesanan Ringkas (SMS), Skype dan sebagainya, di samping kemudahan telefon bimbit yang boleh berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia.

Bukan itu sahaja, perkembangan semasa yang berlaku di seluruh dunia juga dapat diikuti dengan serta-merta seperti siaran langsung konsert artis popular, perlawanan bola sepak

dunia dan siaran berita mutakhir. Acara sukan, persidangan dan sebagainya yang berlangsung di sesebuah negara seperti Korea, Jepun mahupun di Amerika Syarikat dapat dipancarkan ke seluruh dunia secara langsung. Siaran ini dapat ditonton melalui internet dan Astro, telefon, faksimili, televisyen, dan persidangan video bergantung pada ICT untuk membolehkan kita merasai nikmat ini. Internet dan komputer riba turut berfungsi melalui teknologi serba canggih ini yang memberikan gambaran bahawa ICT merupakan pembuka laluan yang luas kepada masa depan yang gemilang.

## TEKNOLOGI DALAM PENDIDIKAN

Peralihan zaman yang kini didominasi oleh ICT telah banyak mempengaruhi corak pembelajaran kanak-kanak dan pelajar sama ada di sekolah-sekolah rendah, menengah dan institusi-institusi pendidikan tinggi.

Penggunaan ICT dalam pendidikan telah jauh merubah corak pembelajaran yang dulunya hanya bersumberkan kepada bahan-bahan bacaan dari buku dan pelajaran yang diterangkan oleh guru kepada pembelajaran yang bersumberkan dari penggunaan teknologi dan media elektronik.

Teknologi merupakan salah satu topik yang sering dibicarakan dan dibincangkan oleh orang ramai berkaitan dengan pembelajaran dan pendidikan di dalam Abad Ke-21 ini. Dalam pada itu, Brunei juga tidak ketinggalan dari negara-negara yang sedang membangun dalam menginovasikan cara pembelajaran di sekolah-sekolah, insitituti-institusi tinggi dan juga pusat pembelajaran yang lain, iaitu dengan menggunakan sumber teknologi.

Kementerian Pendidikan sedang dalam usaha ke arah mentransformasi pendidikan melalui penggunaan ICT demi mencapai visi strategik ke arah pendidikan yang berkualiti bagi bangsa yang maju, aman dan makmur. Kemajuan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran boleh menjadikan persekitaran pembelajaran di sekolah lebih canggih, futuristik dan sesuai dengan perubahan era teknologi maklumat.

Banyak manfaat yang boleh diperolehi dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui ICT antaranya ia dapat memberi peluang pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan kepada semua pelajar yang mempunyai pelbagai keupayaan.

Di Negara Brunei Darussalam perkembangan pembelajaran dengan menggunakan ICT dapat dilihat di beberapa buah pusat pembelajaran di mana kanak-kanak dari usia 3 tahun hingga remaja diberikan pendidikan dengan menggunakan teknologi terkini untuk menarik minat mereka belajar.

Trend pendidikan sedemikian sudah dapat dilihat dan semakin berleluasa di negara ini. Salah satu pusat pembelajaran yang telah menerapkan penggunaan teknologi di dalam pembelajarannya ialah 'Engage Minds Learning Centre' yang menyediakan program khusus sebelum dan selepas sekolah untuk kanak-kanak yang berumur 3 tahun serta pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah.


Pusat tersebut sedikit sebanyak dapat membantu kanak-kanak untuk lebih mengetahui penggunaan teknologi interaktif untuk menarik minat dan memudahkan mereka memahami pembelajaran.

Pembelajaran dengan menggunakan teknologi sememangnya sangat penting dan lebih efektif dan ini menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam mewujudkan pendidikan yang inovatif, maju dan moden.

Penggunaan komputer dan media elektronik dapat meningkatkan kemahiran penyelidikan berharga pada usia muda di mana teknologi berupaya memberikan pelajar akses segera kepada banyak maklumat yang berkualiti yang membawa kepada pembelajaran di kadar yang lebih cepat daripada sebelumnya.

## KERTAS PUTIH ICT KEBANGSAAN

Bagi membolehkan rakyat di negara ini memasuki pasaran teknologi maklumat Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT Council) akan berusaha membuat penilaian semula terhadap keadaan perkembangan teknologi maklumat di negara ini dan memastikan cara untuk negara menambah nilai (sumbangan anak) tempatan bagi membolehkan rakyat di negara ini memasuki



**كبيراسي برواوسن**  
GENERASI BERWAWASAN  
23 FEBRUARI 2016

pasaran teknologi maklumat.

Pada 4 Februari 2016 yang lalu, Kertas Putih ICT Kebangsaan dan Pelan Induk Tenaga Kerja ICT telah dilancarkan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Kertas Putih ICT Kebangsaan Negara Brunei Darussalam diwujudkan untuk merangka pelan strategi dan program bagi pelaksanaan ICT di peringkat kebangsaan untuk mendukung hasrat negara dalam mencapai matlamat Wawasan 2035.

Penyediaan Kertas Putih itu memfokuskan kepada usaha pembaikan melalui inisiatif yang boleh diaplikasikan secara menyeluruh ke atas enam sektor utama yang merangkumi e-Kerajaan, tenaga, kesihatan pengangkutan, pendidikan dan perkhidmatan.

Sementara itu, Pelan Induk Tenaga Kerja ICT dilancarkan sebagai pelengkap kepada Kertas Putih ICT Kebangsaan dalam menangani permintaan tenaga kerja ICT dan jurang kemahiran di negara ini.

Pelan induk itu mengenal pasti keperluan masa depan industri ICT di negara ini dengan mengatur strategi dan program bagi memastikan tenaga kerja ICT yang berkemahiran dapat memenuhi keperluan-keperluan berkenaan. Pelan induk itu juga dilaksanakan sebagai satu cara untuk mengatasi cabaran tenaga kerja ICT dan membolehkan ICT menjadi tonggak utama untuk pertumbuhan ekonomi negara ini.

## KESIMPULAN

Kemajuan era globalisasi yang semakin canggih telah berupaya menyediakan pelbagai kemudahan teknologi untuk kegunaan seharian sama ada secara individu mahupun berkumpulan. Apa yang penting kewujudan alat-alat teknologi canggih perlu digunakan secara positif kerana penggunaan teknologi yang tidak bertanggungjawab juga boleh merosakkan pengguna itu sendiri malah boleh merugikan negara.

Rebutlah peluang menggunakan teknologi semaksimum yang mungkin ke arah memajukan diri, keluarga, bangsa dan negara.



# Wanita Darussalam berganding bahu majukan negara



DALAM Majlis Mesyuarat Negara wanita juga berperanan ke arah menyumbangkan buah fikiran bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim

**T**ELAH 32 tahun negara merdeka. Tidak terasa begitu pantasnya masa berlalu. Selama meraih kemerdekaan ini, negara terus berkembang pesat seiring beredaran masa. Perkembangan dan kemajuan negara ini adalah hasil usaha dan kesepaduan pelbagai pihak dalam sama-sama berganding bahu bagi masa depan bumi tercinta. Tidak dapat dinafikan, berkembang majunya sesebuah negara itu tidak hanya terletak semata-mata di tangan kaum lelaki. Ini memandangkan kaum wanita yang selama ini digelar sebagai golongan yang lemah kini telah membuktikan bahawa diri mereka juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dengan kaum lelaki bagi memastikan negara berkembang maju dan berdaya saing. Begitu juga halnya di Negara Brunei Darussalam ini. Di bumi tercinta ini, peranan golongan wanita jelas nampak menyerlah dalam bersama-sama berganding bahu dengan golongan lelaki semata-mata bagi memastikan bumi bertuah ini terus gemilang di mata dunia antarabangsa.

## WANITA DAN EKONOMI

Semasa berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Global Mengenai Kesetaraan Gender dan Memperkasa Wanita di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB), New York, Amerika Syarikat pada bulan September 2015, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan kegemilangan bahawa lebih separuh daripada perusahaan kecil dan sederhana (SMEs) di Negara Brunei Darussalam dimiliki oleh wanita, yang telah berikar di bidang ekonomi. Ini jelas membuktikan bahawa bidang ekonomi di negara ini bukan hanya digalas di atas bahu golongan lelaki sahaja malah sebaliknya kaum hawa juga sama-sama bekerja keras menjana ekonomi negara. Selain itu para perempuan dan wanita di Negara Brunei Darussalam mempunyai peluang yang sama rata untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, khususnya bidang-bidang yang sentiasa berkembang seperti ICT. Dengan pendidikan yang progresif dan peluang pekerjaan yang sama rata, para wanita telah pun mencapai kedudukan dalam bidang-bidang profesional termasuk perubatan, undang-undang, bisnes dan kejuruteraan. Dalam tempoh

satu dekad, penyertaan wanita dalam tenaga kerja telah meningkat daripada 59 peratus kepada lebih 70 peratus. Oleh kerana hampir separuh daripada penduduk Negara Brunei Darussalam terdiri daripada wanita, sumbangan mereka ke arah pembangunan nasional amatlah penting.

## PENGLIBATAN WANITA

Sementara itu, semasa Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2015, Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman yang ketika itu merupakan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menekankan bahawa penglibatan wanita dalam semua aspek masyarakat adalah perlu bagi pembangunan negara kerana mereka membawa bersama perspektif berbeza yang boleh memberikan faktor untuk mengimbangi dalam setiap keputusan. Di negara ini ujarnya, kaum wanita telah mencapai hampir semua aspek pembangunan seperti kesihatan, pendidikan, pekerjaan penerimaan gaji yang sama atau *equal pay*, penyertaan ekonomi, pemilikan harta, perlindungan daripada keganasan dan penyertaan dalam forum kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Dalam bidang pekerjaan pula ujarnya wanita adalah melebihi lelaki dalam Perkhidmatan Awam dan menjawat tiga puluh persepuluh tujuh peratus jawatan dalam Bahagian I dalam Perkhidmatan Awam.

Manakala perangkaan Perkhidmatan Awam sehingga 31 Ogos 2015 menunjukkan golongan perempuan lebih ramai menjawat jawatan dalam Perkhidmatan Awam iaitu seramai dua puluh tujuh ribu enam ratus lima

**GOLONGAN** wanita di negara ini tidak mahu ketinggalan dalam memegang jawatan-jawatan tinggi yang dahulunya dimonopoli oleh golongan lelaki.

puluh satu orang berbanding dua puluh lima ribu enam puluh tiga orang golongan lelaki (rujuk rajah). Walaupun perangkaan tersebut tidak termasuk kakitangan Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha, namun ia sudah menunjukkan bahawa golongan wanita memonopoli jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam.

## WANITA DAN NGO

Kemampuan wanita di negara ini bukan hanya menyerlah dalam Perkhidmatan Awam, malahan dalam Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) juga menampilkan kredibiliti yang amat ketara. Banyak NGO di negara ini yang menyerlah kewibawaan mereka di bawah kepimpinan dan penerajuan golongan wanita antaranya BASMIDA yang telah mendapat pengiktirafan dalam ASEAN. Bukan itu saja, NGO yang dianggotai sepenuhnya oleh golongan wanita juga bergiat aktif ke arah meningkatkan status golongan wanita dalam pelbagai bidang mahupun bagi perkembangan komuniti di negara ini selain menggalakkan wanita agar menyedari dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

## WANITA DI ARENA ANTARABANGSA

Terserlahnya peranan wanita Brunei bukan hanya setakat di dalam negara sahaja, malahan mereka juga aktif mengadakan aktiviti-aktiviti di peringkat serantau dan antarabangsa. Contohnya Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) telah mengadakan lawatan kerja dan pertukaran maklumat sesama pertubuhan wanita serantau serta menghadiri beberapa persidangan/mesyuarat / bengkel serantau dan antarabangsa. Aktiviti-aktiviti

seumpamanya membolehkan mereka menjadi lebih berinformatif serta dapat memperkasa dalam pelbagai aspek di dalam kehidupan seharian. Penglibatan mereka itu bukan hanya semata-mata membawa nama negara ke arena antarabangsa, malahan juga dapat dijadikan platform bagi wanita-wanita terlibat untuk meningkatkan taraf kaum wanita di negara ini dalam bidang-bidang yang diceburi.

Jika dahulu wanita dilihat menjalankan peranan dalam rumah tangga yang bersifat asas dan fundamental, namun kini peranan kaum hawa itu terus berkembang sejajar dengan perkembangan keupayaan wanita dalam pendidikan dan ekonomi sebagai sumber manusia atau guna tenaga mahir negara. Ramai serikandi Negara Brunei Darussalam kini berkecimpung dalam lapangan pekerjaan yang lebih tinggi dan mencabar yang mana jika satu ketika dahulu kerjaya-kerjaya tersebut kebanyakannya dimonopoli oleh kaum lelaki. Ini membuktikan bahawa wanita di negara ini tidak ketinggalan dalam sama-sama mencapai wawasan negara yang dikenali sebagai Wawasan Brunei 2035 yang berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam menjelang tahun 2035 dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kualiti kehidupan yang tinggi; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Dari itu marilah semua serikandi Darussalam, bersamasamalah kita bangkit dan meningkatkan usaha ke arah merealisasikan tema Sambutan Hari Kebangsaan Ke-32 iaitu 'Generasi Berwawasan' dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan negara.



JENIS PERKHIDMATAN	JANTINA	BAHAGIAN					GAJI HARI	JUMLAH
		I	II	III	IV	V		
Tetap	Lelaki	350	3258	4570	5194	5399		18771
	Perempuan	251	5892	9591	5591	2385		19810
	Jumlah	601	9150	14161	10785	7784	0	38581
Sebulan Kesebulan	Lelaki	6	77	160	288	311		842
	Perempuan	20	356	1276	670	552		2874
	Jumlah	26	433	1436	958	863	0	3716
Kontrak	Lelaki	307	390	113	169	98		1077
	Perempuan	44	102	59	12	56		273
	Jumlah	351	492	172	181	154	0	1350
Open Vote	Lelaki			3	156	2581		2740
	Perempuan			3	554	2946		3503
	Jumlah	0	0	6	710	5527	0	6243
Gaji Hari	Lelaki		37	30	47	243	1276	1633
	Perempuan		87	63	36	80	925	1191
	Jumlah	0	124	93	83	323	2201	2824
Jumlah	Lelaki	663	3762	4876	5854	8632	1276	1276
	Perempuan	315	6437	7092	6863	6019	925	27651
	Jumlah	978	10199	11968	12717	14651	2201	2201

Perhatian : Maklumat dari GEMS. Perangkaan tidak termasuk Pegawai dan Kakitangan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Unit Simpanan Gurkha.

Sumber : Bahagian GEMS, Jabatan Perkhidmatan Awam (Seperti yang tertera di dalam laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Awam : jpd.gov.bn)

# Sokong sektor swasta tingkat ekonomi negara



Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

**K**EHIDUPAN yang diharungi setiap hari pastinya memerlukan peruntukan perbelanjaan terutama dalam memenuhi tuntutan keperluan harian yang sekian hari mengalami perubahan dan cabaran.

Tanpa mempunyai kewangan yang mencukupi pastinya kehidupan tersebut tidak akan seimbang walaupun seseorang itu berstatus bujang apatah lagi yang sudah mendirikan rumah tangga dan mempunyai anak pinak yang ramai.

Tambahan lagi dalam era globalisasi sekarang berbagai-bagai keperluan asasi perlu dipenuhi dalam menjalani tuntutan kehidupan di samping nilai harga yang semakin naik saban hari seolah-olah menuntut desakan kewangan yang sangat tinggi.

Dalam hal ini, ia menuntut setiap individu itu untuk segera melakukan perubahan dalam berfikir dengan lebih baik daripada duduk diam di rumah dan berpeluk tubuh kepada suka *bekarih* iaitu berusaha atau bekerja secara bersih dan halal sama ada di sektor awam mahupun swasta yang akhirnya akan *belurih* atau mendapat imbalan upah yang lebih baik daripada tabiat meminta-minta.

Ketika keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu masa ini semua pihak adalah diperlukan untuk meningkatkan komitmen terutama dalam membangun dan membina diri ke arah mengekalkan daya tahan untuk jangka masa panjang.

Selain itu, berbagai-bagai usaha juga diperlukan untuk menjana pertumbuhan ekonomi di samping memerlukan setiap masyarakat untuk meningkatkan tahap produktiviti masing-masing sama ada di sektor awam apatah lagi di sektor swasta dengan harapan ekonomi negara akan dapat berkembang dan berdaya maju sesuai dengan matlamat Wawasan 2035 iaitu dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak khususnya di sektor swasta yang secara langsung membantu pertumbuhan ekonomi negara.

**SELAIN itu berbagai usaha juga diperlukan untuk menjana pertumbuhan ekonomi disamping memerlukan setiap masyarakat untuk meningkatkan tahap produktiviti masing-masing samada di sektor awam apatah lagi di sektor swasta dengan harapan ekonomi negara akan dapat berkembang dan berdaya maju sesuai dengan matlamat Wawasan 2035 iaitu dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak khususnya di sektor swasta yang secara langsung membantu pertumbuhan ekonomi negara.**

berulang. Jika kita tidak merebutnya, kita akan ditinggalkan jauh begitu saja.

Menyebut tentang 'peluang' ini, segera mengingatkan kita kepada 'peluang pekerjaan'. Adapun usaha mewujudkan peluang pekerjaan itu, merupakan suatu usaha murni, kerana ia membawa kepada kesejahteraan rakyat," Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-69 Tahun.

Titah baginda, peluang tersebut sebenarnya ada, tetapi masih saja terpulung kepada pencari-pencari pekerjaan masing-masing. Pada lumrahnya, peluang itu lebih banyak diisi oleh pekerja-pekerja asing di sektor swasta, sementara bagi pencari-pencari kerja dari kalangan anak tempatan pula, mereka itu dilihat, sebagai lebih memilih untuk bekerja di sektor awam atau kerajaan.

Dalam hubungan ini negara sememangnya amat memerlukan lebih banyak peluang pekerjaan, khususnya di sektor swasta untuk menangani masalah pengangguran yang semakin meningkat dan melalui agensi-agensi berkenaan kini sangat giat menggerakkan pengambilan anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta untuk mengisi kekosongan yang ada.

Menurut anggaran Laporan Bulanan Perangkaan Pencari Kerja Tempatan yang kini dikenali sebagai Laporan Perangkaan Pasaran Kerja (PPK) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) pada 11 Februari lepas menyatakan bahawa bilangan berserta profil mengenai pencari kerja dalam kalangan penduduk tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) yang berumur di antara 18 hingga 59 tahun dari bulan Januari hingga Disember 2015 telah melebihi sepuluh ribu orang pencari kerja.

Dalam siaran media tersebut menunjukkan bahawa penunjuk pasaran tenaga kerja bagi Disember 2015 adalah seperti bilangan pencarum baru yang berdaftar di Tabung Amanah Pekerja (TAP), iaitu seramai 551 orang, terdiri daripada 26 orang yang bekerja di sektor kerajaan dan 525 orang di sektor swasta yang secara keseluruhannya jumlah pencarum yang baru berdaftar

di TAP dari bulan Januari hingga Disember 2015 ialah seramai 6,800 orang dan seramai 477 orang baru mendaftar sebagai pencari kerja.

Justeru sehingga penghujung bulan Disember 2015, bilangan pencari kerja dalam kalangan penduduk tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) yang berumur 18 hingga 59 tahun adalah seramai 10,640 orang dan jumlah ini secara langsung menunjukkan jumlah pencari kerja yang semakin meningkat dari sebulan ke sebulan jika dibandingkan dengan jumlah pencari kerja pada bulan Oktober 2015 iaitu 10,313 orang dan meningkat kepada 10,385 orang sebulan selepas itu.

Dalam menangani masalah tersebut pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penyertaan anak-anak tempatan di dalam pasaran kerja di negara ini khususnya di sektor swasta melalui dua pendekatan iaitu meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran anak tempatan lepasan peringkat 'O' dan 'A' dengan memberikan biasiswa atau latihan seperti Skim Biasiswa Khas, Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Swasta Dalam Negeri (BPTV), Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional bagi Program Energy Industry Competency Framework (BPTV-EICF) dan Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP).

Dalam pada itu, JPKE juga berusaha bagi pengurangan kuota pengambilan pekerja-pekerja asing



yang berkemahiran rendah sebagai salah satu insentif memberikan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

Sebarang pertanyaan mengenai PPK ini bolehlah dirujuk ke JPKE dengan menghubungi talian 2230250 atau 2233344 (waktu pejabat) atau melayari laman sesawang : [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn) atau melalui e-mel : [info.statistics@jpe.gov.bn](mailto:info.statistics@jpe.gov.bn).

Oleh itu, marilah kita sama-sama memajukan sektor swasta di negara ini dalam usaha kita membina perekonomian yang lebih mantap disamping mengamalkan budaya berbelanja di negara sendiri.



# Negara berpotensi sebagai destinasi pelancongan Islam



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**BRUNEI DARUSSALAM** walaupun sebuah Negara yang kecil, namun begitu ia mempunyai banyak produk dan lokasi tarikan pelancong, sama ada wujud secara semulajadi ataupun yang dibina oleh manusia. Sektor pelancongan sebenarnya mempunyai potensi yang besar dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Bahkan melalui sektor pelancongan juga ianya turut menyediakan peluang pekerjaan dalam industri berkaitan kepada penduduk tempatan, di samping turut memajukan tempat-tempat tarikan pelancong tanpa mengira kawasan bandar mahupun desa. Industri pelancongan memang merupakan suatu faktor yang penting bagi sesebuah negara. Hal demikian kerana industri ini menyumbangkan hasil dan pulangan yang banyak kepada sesebuah negara dalam aspek pendapatan negara.

Namun di negara kita, usaha untuk mempromosikan negara ini sebagai destinasi pelancongan belum begitu berjaya bagi menarik lebih ramai pelancong dan ianya masih baru bagi Negara Brunei Darussalam berbanding dengan negara-negara lain yang sememangnya sudah maju dalam industri pelancongan dan menjadikan industri ini sebagai salah satu nadi dalam menjana dan meningkatkan ekonomi negara mereka.

Antara penyebabnya mungkin kurangnya penyebaran maklumat mengenai tempat-tempat pelancongan yang ada di negara ini, di samping kurangnya / terhadnya kemudahan serta keperluan pelancong yang berkunjung ke negara kita.

Sebagai kesinambungan, pihak kerajaan dan pihak swasta perlu melakukan pelbagai usaha untuk memperkenalkan Negara Brunei Darussalam ke mata dunia. Kerajaan hendaklah menggiatkan promosi untuk merencanakan aktiviti pelancongan yang diadakan di negara kita. Promosi tentang destinasi pelancongan yang menarik, kebudayaan dan karnival jualan boleh dilaksanakan dengan komitmen yang padu bukan hanya sekadar 'melepaskan batuk di tangga' ataupun 'hangat-hangat tahi ayam'.

Baru-baru ini negara juga telah mewujudkan satu portfolio khusus berjawatan menteri untuk menggalas tugas memajukan sektor pelancongan ini. Kini melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, pelbagai bentuk program dapat dirangka dalam mempertingkatkan lagi industri pelancongan

negara ini.

Pelancongan adalah satu produk yang unik yang merupakan satu campuran unsur ketara dan tidak ketara yang dialami oleh pelancong bahkan ianya juga merupakan gaya hidup dan diiktiraf sebagai komponen penjanaan ekonomi dikebanyakan negara dan ini bersesuaian dengan kepelbagaian tarikan pelancong yang meliputi tinggalan sejarah, alam semulajadi sehinggalah kepada kebudayaan dan perilaku masyarakat setempat.

Sebenarnya tarikan pelancong untuk datang ke negara kita bergantung kepada kepelbagaian sesebuah pihak berkenaan dalam mengolahnya bagi menarik pelancong asing datang berkunjung ke negara kita yang mana ini meliputi geografi, warisan tinggalan sejarah, kemudahan jaringan pengangkutan, dasar kerajaan terhadap kemasukkan pelancong, keamanan dalam negara sehinggalah membawa kepada sikap dan peranan masyarakat setempat. Kesemua faktor ini sebenarnya boleh meningkatkan peratusan ketibaan pelancong asing ke Negara Brunei Darussalam mahupun pelawat tempatan.

Jika kita amati, negara kita mempunyai landskap yang dikenali dengan Negara hutan hujan tropika yang kaya dengan khazanahnya tersendiri seperti kepelbagaian spesies binatang dan tumbuh-tumbuhan yang mampu menjadi tarikan utama golongan pencinta alam dan juga para penyelidik sains.

Usaha memperkenalkan negara ini juga boleh dijalankan melalui penggunaan teknologi maklumat seperti internet bagi menyebarkan maklumat tentang pelancongan di negara ini. Penggunaan internet dapat memastikan semua pelancong memperoleh maklumat yang tepat mengenai destinasi pelancongan menarik dan aktiviti pelancongan di negara ini. Jelasnya, promosi yang giat dapat memastikan semua maklumat pelancongan disebarkan secara berkesan bagi menarik kunjungan pelancong. Hal ini demikian juga mampu menjadi daya tarikan pelancong untuk terus menjadikan Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang diminati. Natijahnya, industri pelancongan negara kita dapat bersinar dan terserlah ke seluruh dunia dan dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara lain.

Selain itu, pihak swasta haruslah berganding bahu dengan pihak kerajaan membuka pusat-pusat percutian yang bertaraf dunia agar industri pelancongan negara kita dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia. Hal ini serupa dengan 'bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat'. Inisiatif ini boleh dilaksanakan dengan memperbanyak pembinaan hotel lima bintang yang mengenakan kadar bayaran berpatutan diiringi dengan bilik yang selesa untuk menarik minat pelancong sebagai analoginya, tindakan yang dijalankan oleh sebahagian usahawan anak tempatan sendiri juga turut membantu dalam meningkatkan kedatangan para pelancong dalam dan luar negara, contohnya Mangrove Paradise Resort & Vila yang kini mendapat sambutan dari pengunjung dalam dan luar negara, di mana resort ini bukan hanya memperkenalkan reka bentuk resort dan vila yang menyerupai reka kediaman terapong di air yang menjurus seperti 'Kediaman Kampong Ayer' bahkan ianya juga turut mempromosi makanan laut hasil temakan pemilih resort berkenaan disamping itu terdapat juga beberapa kediaman berbentuk Inap Desa yang memperkenalkan pakej penginapan murah berserta makanan tradisional tempatan telah berjaya meningkatkan jumlah pelancong untuk menginap di resort dan inap desa tersebut.

## BIDANG PELANCONGAN ISLAM

Kini menjadi trend baru dalam industri pelancongan yang mampu menghasilkan dan memberi banyak faedah kepada ekonomi sesebuah negara. Dengan jumlah kira-kira 1.6

bilion penduduk Islam daripada lebih 50 buah negara di dunia merupakan potensi pasaran yang sangat besar dalam industri pelancongan. Menurut statistik yang dilaporkan oleh Ekonomi Islam Global 2014/2015 tahun lalu menjelaskan bahawa umat Islam telah membelanjakan kira-kira USD140 bilion untuk perjalanan dan pelancongan.

Perkara ini nampak kepada kita bahawa industri pelancongan Islam mampu menjana ekonomi negara. Atas tujuan itulah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sentiasa komited dalam mengembangkan sektor pelancongan, khususnya pelancongan Islam di negara ini ke peringkat antarabangsa, selain merealisasikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan dan popular dalam kalangan komuniti global terutama pelancong asing yang beragama Islam.

Bagi negara kita, sektor pelancongan telah menunjukkan peningkatan yang sangat signifikan dengan kehadiran pelancong-pelancong luar negara terutama dari negara Asia dan Eropah. Menurut perkembangan sektor pelancongan di negara ini, antara tahun 2012 - 2016, jumlah pendapatan sektor ini akan mencecah BND1.78 bilion menjelang tahun 2016. Dengan kadar pertumbuhan itu menjadikan sektor pelancongan adalah perlu diperluaskan seiring dengan perkembangan sektor ekonomi minyak dan gas.

Memang tidak dinafikan negara kita mempunyai banyak infrastruktur yang menarik termasuk masjid-masjid yang tersergam indah dan yang memudahkan pelancong Islam untuk beribadat. Malah, negara kita juga dikenali sebagai negara Islam dan sememangnya mudah bagi mereka mendapatkan makanan halal yang diluluskan. Ianya bersesuaian dengan usaha pihak Lembaga Pelancongan Brunei untuk 'menjual' Brunei sebagai destinasi halal tanpa was-was pada Persidangan dan Travel Mart Pelancongan Islam Antarabangsa (ITCM) di Kuala Lumpur, Malaysia adalah bertepatan dengan hasrat negara ini untuk menjadi Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Memetik ucapan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa merasmikan Seminar Serantau : Sumbangan Budaya Islam dan Kesannya Terhadap Pasaran Pelancongan Asia baru-baru ini menjelaskan bagi tujuan itu turut berkata bahawa untuk memajukan industri pelancongan Islam di negara ini, kita memerlukan produk yang akan ditawarkan, di mana produk-produk tersebut perlu digilap dan dibungkus dengan baik sebelum ia boleh dijual. Di samping mempertahankan budaya Islam dengan menghormati tamu, iaitu pelancong yang datang ke negara kita, kerana budaya Islam budaya yang mematuhi ajaran Islam, terutamanya berpandukan dari Al-Quran, Al-Hadits, Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dan tingkah laku para sahabat serta para ulama.

Untuk itu produk pelancongan Islamik seperti menonjolkan aspek-aspek kebudayaan dan kesenian Melayu tulen, menganjurkan pertunjukan, pameran, persidangan, seminar yang berteraskan ilmu dan ketamadunan Islam perlu digiatkan. Di samping negara kita sendiri memang mempunyai hari-hari kebesaran Islam yang sentiasa dibarigakan.

Sebagai membantu hasrat negara ini memajukan industri pelancongan Islam, Pelancongan Aplikasi Pelancongan Islam dan Masjid-Masjid Utama melalui 'Apple Store' pada bulan Julai tahun lalu adalah wadah ke arah menzahirkan corak kehidupan Islam di Negara Brunei Darussalam menurut falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan berlandaskan kepada konsep Negara Zikir.

Inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk mempromosi tempat-tempat bersejarah atau mempunyai kepentingan agama di negara ini melalui aplikasi tersebut memudahkan para

pelancong untuk berkunjung ke negara ini serta berpeluang mengetahui segala maklumat sekitar Negara Brunei Darussalam.

Dengan yang demikian hasrat negara untuk dikenali sebagai destinasi pelancongan Islam yang unik dan laluan pelancongan hebat di Asia Tenggara akan tercapai, di samping memperkenalkan Negara Brunei Darussalam ke dunia antarabangsa dan seterusnya menjadi penyumbang utama ekonomi Negara.

## SYARIKAT PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI

Begitu juga dengan Penerbangan Diraja Brunei (RB) yang telah diisytiharkan sebagai pemenang anugerah 'Travel Media Innovative Campaign and Content of The Year' dalam Majlis Anugerah Media Pelancongan Pertama pada 9 November 2015 di Hotel St. Pancras Renaissance, di sini.

Anugerah berprestij ini merupakan kempen kerjasama media sosial bagi menggalakkan RB dan Brunei Darussalam sebagai laluan atau pintu masuk ke Pulau Borneo di mana ini juga merupakan salah satu untuk kita mempromosikan Negara dari segi pelancongan.

RB merupakan syarikat penerbangan pertama di dunia yang menawarkan perkhidmatan B787 Dreamliner eksklusif kepada semua penumpang jarak jauh dan mengendalikannya penerbangan harian daripada London Heathrow dengan sambungan ke 16 bandar raya di seluruh Asia Pasifik termasuk Melbourne, Kota Kinabalu, Bali dan Manila.

Anugerah Media Pelancongan adalah Kategori Anugerah Baharu sebagai penghargaan kepada penampil kandungan yang terbaik terutamanya di media sosial.

Bahkan dalam mempertingkatkan lagi usaha Syarikat RB untuk menarik lebih ramai lagi pelancong dari luar negeri, syarikat ini juga telah melantik salah seorang pelakon tempatan yang memang sudah terkenal luar negeri, Wu Chun menjadi duta RB lebih setahun yang lalu yang mana usaha RB ini telah berjaya mencatatkan peningkatan dua kali ganda kemasukkan pelancong ke Negara ini, menandakan Wu Chun mempunyai ramai peminat dari China, sebahagian besar pelancong yang memasuki negara ini datang dari Tanah Besar China, Taiwan dan sekitarnya. RB juga berharap agar dapat bekerjasama dengan lebih rapat lagi dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam mempromosikan Brunei sebagai destinasi pelancongan. Melancong dalam negara dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman. Dengan mengunjungi tempat-tempat yang belum pernah dilawati, kita dapat menambahkan pengetahuan dan mengenali secara lebih mendalam dan lebih dekat dengan khazanah warisan bangsa ditamah air kita. Tambahan pula, kita dapat mengetahui keunikan budaya dan tradisi masyarakat serta panorama di negara kita yang terdapat di keempat-empat daerah di sini. Dengan aktiviti melancong dalam negara, kita akan mengetahui apa yang ada, yang kurang, yang perlu ada di tempat berkenaan berbanding dengan tempat sendiri, kemudian menyalurkan idea-idea bernas untuk pembangunan negara. Kita harus melancong di negara sendiri demi menghayati warisan khazanah bertaraf dunia yang masih belum dilawati.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, sektor pelancongan mempunyai potensi untuk berkembang terutamanya dari aspek ekonomi. Ini secara langsung dapat meningkatkan pendapatan negara dan peluang pekerjaan, terutama penglibatan bumiputera dalam perniagaan sektor pelancongan seperti inap desa dan penghasilan produk makanan, bahkan tidak ketinggalan Negara turut berpotensi untuk menjadi modal pelancongan Islam dengan penglibatan individu Muslim.